Fotovoltaik adalah peranti yang menukar cahaya langsung ke kuasa arus terus (AT). Dalam sistem PV suria yang bersambung grid, penyongsang digunakan untuk menukarkan elektrik dari arus terus (A.T) ke dalam arus ulang alik (A.U) yang kemudiannya dibekalkan ke grid kuasa. Dalam sistem luar grid (*off-grid*), bateri digunakan untuk penyimpanan tenaga dan akan membekalkan beban ketika sinaran matahari rendah dan juga pada waktu malam. Dalam sistem luar grid, penyongsang juga digunakan jika ada keperluan untuk bekalan kuasa ac [3].

Litar penyongsang menggunakan peranti pensuisan seperti Mosfet/ IGBT, dan teknik pensuisan tertentu digunakan untuk memperolehi bentuk gelombang keluaran ac. Penyongsang yang berkualiti baik haruslah menghasilkan gelombang ac menghampiri bentuk sinusoidal pada frekuensi asas [4]. Gelombang ac sinusoidal yang baik ditentukan oleh nilai jumlah herotan harmonik (THD). Nilai THD bagi gelombang sinusoidal tulen menghampiri sifar, sedangkan dalam gelombang bukan sinusoidal ia mengandungi nilai THD yang tinggi. Selain nilai THD yang rendah, penyongsang juga haruslah mempunyai nilai kecekapan yang tinggi.

Berdasarkan teknik pensuisan, klasifikasi penyongsang terdiri daripada SPWM, SVM, penyongsang denyutan resonan dan penyongsang pelbagai peringkat (*Multilevel inverter*). Penyongsang pelbagai peringkat adalah penyongsang yang menyatukan pelbagai peringkat voltan masukan A.T untuk membentuk gelombang keluaran sinusoidal. Apabila bilangan peringkat voltan lebih banyak maka ia boleh menghasilkan gelombang sinusoidal yang lebih baik. Penyongsang pelbagai peringkat boleh diklasifikasikan kepada beberapa topologi, antaranya ialah: Kepitan Diod (*Diode-clamped*); Pemuat-Terbang (*Flying-capacitor*) dan penyongsang berkaskad pelbagai peringkat (*Cascaded multilevel inverter*) [5].

Penyongsang berkaskad pelbagai peringkat terdiri daripada beberapa penyongsang titi-H yang disambung secara siri. Setiap titi-H disambungkan kepada sumber A.T yang berasingan. Voltan keluaran adalah jumlah voltan sumber A.T dan biasanya bilangan titi-H menentukan jumlah peringkat voltan keluaran [6]

Sehingga kini, banyak reka bentuk penyongsang berkaskad pelbagai peringkat dibangunkan bertujuan untuk mengurangkan penggunaan peranti pensuisan. Di antaranya ialah topologi yang popular dipanggil *Reduced Device Count Multilevel Inverter (RDC-MLI)*. Jenis jenis topologi RDC-MLI termasuk: Penyongsang Rangkaian A.T Pelbagai Peringkat (*MLDCL*), Topologi Penyongsang Baru Pelbagai Peringkat Berkaskad, Penyongsang Jenis-*T*, Penyongsang Sumber Suis Siri/Selari (SSPS), Penyongsang Sumber Suis Sambungan Siri (SCSS), Sel Suis Bipolar Berkaskad, Topologi Sel Bungkus-U, Modul Pelbagai Peringkat (MLM), topologi Voltan Balikan (RV) dan Generasi-Peringkat Membenarkan 2 Suis (2SELG) [7].

Penyongsang Rangkaian A.T Pelbagai Peringkat (*MLDCL*) dan topologi penyongsang Pelbagai Peringkat Berkaskad dengan suis minimum sebenarnya adalah

topologi yang sama. Topologi ini terdiri dari gabungan teknik penjaan peringkat (*level generation*) dan titi-H. Sistem penjaan peringkat menggunakan 12 suis, iaitu 6 suis ke hadapan, 6 suis terbalik dan titi-H. Topologi ini adalah sama dengan penyongsang satu fasa konvensional yang menggunakan 4 suis pensuisan dan 6 sumber A.T simetri. Gelombang keluaran yang dihasilkan hanyalah 13 peringkat [8],[9].

Penyongsang pelbagai peringkat topologi SSPS terdiri daripada titi-H dan suis siri/selari yang disambungkan ke sumber A.T. Bilangan suis titi-H adalah 4 dan suis siri/selari yang berjumlah 9 disambungkan kepada 4 sumber A.T. Topologi ini mampu menghasilkan bentuk gelombang voltan sebanyak 15 peringkat sahaja [10].

Penyongsang pelbagai peringkat topologi SCSS terdiri daripada titi-H dan 8 masukan suis yang disambungkan kepada 4 sumber A.T. Topologi ini hanya menghasilkan gelombang voltan 5 peringkat sahaja [11].

Berbanding dengan penyongsang pelbagai peringkat topologi MLM yang terdiri daripada titi-H dan suis dua hala, jika 10 suis dua hala disambungkan kepada empat sumber A.T, topologi ini mampu menghasilkan gelombang keluaran 9 peringkat [12].

Bagi penyongsang pelbagai peringkat topologi voltan balikan (RV) yang dibina daripada titi-H dan 8 suis pada penjaan peringkat serta empat sumber A.T, gelombang keluaran yang diperolehi hanyalah sebanyak 11 peringkat [13].

Penyongsang pelbagai peringkat topologi 2SELG pula terdiri daripada titi-H dan penjaan berperingkat. Dalam topologi ini terdapat 12 suis yang disambungkan ke 4 sumber A.T dan ianya hanya mampu menghasilkan gelombang voltan keluaran sebanyak 7 peringkat [14].

1.2 Penyataan Masalah

Penyongsang pelbagai peringkat (MLI) yang mempunyai kualiti yang baik haruslah menghasilkan gelombang keluaran sinusoidal yang mempunyai nilai THD rendah yang melepasi piawaian IEC6000-3-2 dan juga mempunyai kecekapan tinggi. Untuk mendapatkan nilai THD yang rendah, keluaran MLI haruslah mempunyai nilai peringkat voltan keluaran yang tinggi. Nilai peringkat voltan keluaran yang tinggi pada MLI akan memerlukan penggunaan peranti suis yang banyak. Hubungan nilai peringkat voltan keluaran iaitu semakin tinggi peringkat voltan keluaran, semakin rendah nilai THD. Nilai MLI 3 peringkat mempunyai nilai THD bersamaan 47.7%, 9 peringkat mempunyai nilai THD bersamaan 9%, 11 peringkat mempunyai nilai THD bersamaan 9%, 15 peringkat mempunyai nilai THD bersamaan 6.8% [10].

Pada beban induktif, voltan keluaran MLI akan akan menghasilkan voltan runcing (spikes) yang disebabkan oleh daya gerak elektrik (d.g.e) balikan (emf back). Voltan runcing ini akan akan membawa kepada peningkatan nilai THD. Untuk menghilangkan voltan runcing ini, suis balikan ditambah pada litar MLI. Jumlah suis balikan ini sama dengan jumlah suis hadapan. Penambahan suis balikan meningkatkan jumlah suis pada litar MLI.

Di dalam reka bentuk litar pensuisan, semakin banyak peranti suis yang digunakan akan menyebabkan kehilangan kuasa yang tinggi. Kehilangan kuasa yang tinggi ini disebabkan oleh bertambahnya arus gate, bertambah jumlah rugi $R_{DS(ON)}$, dan bertambah jumlah kehilangan disebabkan pensuisan. Peranti suis yang banyak juga menjadikan reka bentuk litar kuasa dan kawalan menjadi lebih rumit. Ini kerana disamping penambahan peranti suis, terdapat juga penambahan litar pemacu,

penambahan bekalan A.T, peningkatan saiz dan reka bentuk papan litar tercetak (PCB) dan juga saiz pengaturcaraan semakin besar.

Oleh itu, untuk mendapatkan kedua-dua ciri tersebut iaitu nilai THD yang rendah dan kecekapan yang tinggi, MLI yang dibina haruslah mempunyai nilai peringkat voltan keluaran yang tinggi dan menggunakan peranti suis yang minimum. Hal ini boleh diselesaikan dengan menggunakan topologi Penyongsang Pelbagai Peringkat Peranti Kiraan Terkurang (Reduced Device Count Multilevel Inverter) atau ringkasnya RDC-MLI. Daripada topologi sedia ada [8], [9], [10], [11], [12], [14], [51], masalah ini boleh diselesaikan seperti berikut:

1. Mengurangkan jumlah sumber A.T kepada 4 dengan penggunaan voltan A.T asimetri (asymmetric), iaitu 4 voltan sumber (VS) tidak sama dengan satu sama lain dengan perbandingan $V_{S1}:V_{S2}:V_{S3}:V_{S4} = V_{S1}:2V_{S1}:4V_{S1}:8V_{S1}$
2. Suis balikan pada peringkat penjanaan dihilangkan supaya satu sumber menggunakan satu suis sahaja, maka kaedah ini akan mengurangkan bilangan peranti suis. Hasilnya ialah 4 sumber A.T hanya memerlukan 4 peranti suis sahaja pada peringkat penjanaan dan 4 peranti suis pada titi-H (keseluruhannya berjumlah 8 suis)
3. Suis balikan diganti dengan litar pemampas pemuat (atau dipanggil CC) pada tingkat Vbus (iaitu di keluaran penjanaan berperingkat).

Voltan keluaran daripada PV suria berubah-ubah bergantung kepada kondisi sinaran matahari. Nilai voltan ini perlu ditetapkan apabila disambungkan kepada penyongsang. Voltan keluaran daripada penyongsang juga boleh berubah apabila kuasa pada beban berubah-ubah. Untuk memastikan voltan masukan dan keluaran penyongsang yang malar, pengubah arus terus seperti penukar dorongan dengan

sistem kawalan suab balik diperlukan. Oleh kerana terdapat empat voltan masukan penyongsong sumber asimetri maka juga empat buah penukar dorongan diperlukan. Voltan keluaran bagi setiap penukar dorongan adalah tidak sama ($V_{S1}:2V_{S1}:4V_{S1}:8V_{S1}$) maka nilai peraruh siri dan nilai kitar tugas isyarat modulasi lebar denyut (PWM) adalah berbeza.

Penyelesaian terhadap masalah di atas dapat diatasi dengan reka bentuk topologi yang akan dibentangkan dalam penyelidikan ini. Topologi ini boleh diperkenalkan sebagai Penyongsang Pelbagai Peringkat Suis Minimum menggunakan Pemampas Pemuat atau ringkasnya MSMLI-CC (*Minimum Switch Multilevel Inverter using capacitor compensator*).

1.3 Objektif Penyelidikan

Objektif utama penyelidikan ini ialah mereka bentuk dan membangunkan penyongsang berkaskad pelbagai peringkat menggunakan pemampas pemuat. Topologi ini juga boleh mengurangkan penggunaan peranti suis dan boleh disambungkan kepada sistem PV suria. Objektif terperinci adalah seperti berikut:

1. Untuk mereka bentuk dan membangunkan litar penyongsang berkaskad berbilang peringkat, dengan gelombang keluaran 31 peringkat, THDi dan THDv di bawah 3%, dan kecekapan sistem melebihi 90%. Litar yang direka juga haruslah menggunakan suis minimum dan berupayamenghilangkan voltan runcing pada beban induktif.
2. Untuk membangunkan litar penukar dorongan dengan sistem kawalan suap ulang bagi meningkatkan voltan masukan daripada PV suria, dan mengekalkan voltan keluaran penyongsang tetap pada 240V.

3. Untuk membandingkan keputusan ujikaji simulasi dan juga litar prototaip bagi litar penyongsang, penukar dorongan dan implementasi pada sistem PV suria.

1.4 Metodologi

Rekabentuk dan pembangunkan MSMLI-CC implementasi pada PV terdiri daripada penyongsong pelbagai peringkat, penukar dorongan dan sambungan PV. Topologi penyongsong pelbagai peringkat terdiri daripada 4 sumber A.T asimetri, 4 suis pada peringkat penjanaan, 4 suis pada titi-H dan 6 pemuat yang disambung selari dengan geganti pada litar CC. Litar CC ini terletak di bahagian V_{bus} , litar CC ini hanya akan hidup pada beban induktif. Nilai dari pemuat dikira berdasarkan kuasa reaktif beban. Empat sumber A.T asimetri masing-masing disambungkan ke keluaran penukar dorongan. Empat sumber A.T asimetri ini mempunyai nisbah perbandingan seperti berikut; iaitu $V_{S1} : V_{S2} : V_{S3} : V_{S4} = V_{S1} : 2V_{S1} : 4V_{S1} : 8V_{S1}$

Penukar dorongan menggunakan topologi biasa (konvensional). Ada 4 penukar dorongan yang dibangunkan dan mempunyai topologi yang sama. Perbezaan hanya pada nilai peraruh siri (L_s) dan kita tugas (D). Voltan keluaran dipastikan malar dengan menggunakan kawalan suap balik. Voltan keluaran masing-masing yang malar pada $V_{S1}=22.63V$, $V_{S2}=45.25V$, $V_{S3}=90.51V$, dan $V_{S4}=181.02V$. Sedangkan voltan masukan dari PV adalah berubah-ubah iaitu $V_{S1}=10V\sim 20V$, $V_{S2}=20V\sim 40V$, $V_{S3}=40V\sim 80V$, dan $V_{S4}=80V\sim 160V$. Masukan dari masing-masing penukar dorongan disambungkan ke keluaran panel PV

Panel PV disambung dalam bentuk siri dalam setiap susunan. Susunan 1 (M_1) hanya terdiri dari satu PV, susunan 2 (M_2) mempunyai dua PV sambungan siri, susunan 3 (M_3) terdiri dari empat PV sambungan siri, dan susunan 4 (M_4) mempunyai empat PV juga sambungan siri. Nisbah susunan diberi seperti berikut iaitu; $V_{M1} :$

$V_{M2} : V_{M3} : V_{M4} = V_{M1} : 2V_{M1} : 4V_{M1} : 8V_{M1}$. Dengan susunan PV seperti ini, diperolehi voltan maksimum (V_{mak}) iaitu: $M_1=18.7V$, $M_2=37.4V$, $M_3=74.8V$, dan $M_4=149.6V$.

1.5 Skop Penyelidikan

Penyelidikan ini melibatkan reka bentuk penyongsang berbilang peringkat dengan suis minimum, litar pemampas pemuat dan litar penukar dorongan yang boleh digunakan dengan sumber tenaga PV. Skop penyelidikan ini adalah untuk aplikasi topologi MSMLI-CC untuk sistem PV satu fasa di luar grid. Simulasi litar dibuat menggunakan perisian Powersim (PSIM), dengan model komponen dianggap sebagai ideal dan peranti Mosfet hanyalah menggunakan model $r_{ds(ON)}$. Dalam kajian ini teknik Penjejakan Titik Kuasa Maksimum (MPPT) bagi system PV suria dan penggunaan sistem penyimpanan bateri adalah diluar skop penyelidikan.

Litar utama topologi MSMLI-CC terdiri daripada penjanaan peringkat dan titi-H. Menggunakan 8 suis dan 4 sumber asimetri iaitu $V_{S1}:V_{S2}:V_{S3}:V_{S4} = V_{S1}:2V_{S1}:4V_{S1}:8V_{S1}$. Dalam uji kaji, suis yang digunakan adalah Mosfet IRFP460 dan kawalan suis menggunakan mikrokontroler PIC16F877. Litar pemampas pemuat CC terdiri daripada 6 pemuat dan 6 geganti (*relay*). Kawalan isyarat penukar dorongan dan bacaan isyarat penderia menggunakan Arduino Nano. Penderia voltan menggunakan modul ZMPT101B dan penderia arus menggunakan modul ACS712.

Panel PV disambung dalam empat susunan (*array*) dan setiap susunan disambungkan secara siri (kecuali susunan-1). Susunan M_1 hanya mengandungi satu PV sahaja manakala susunan M_2 terdiri dari 2 PV yang disambung secara siri. Susunan M_3 pula terdiri dari 4 PV yang disambung secara siri dan susunan M_4 merupakan 8 PV

yang disambung secara siri. Dalam penyelidikan ini pelaksanaan simulasi dan ekeperimen menggunakan panel polisilikon PV SPM100-M. Dalam pelaksanaan simulasi nilai penyinaran (*irradiation*) ditetapkan pada 800 W/m^2 dan suhu 32°C , oleh kerana nilai ini menghampiri dengan nilai purata penyinaran dan suhu di sekitar kampus kejuruteraan Universiti Sains Malaysia.

Penukar dorongan yang direka untuk simulasi dan uji kaji iaitu voltan masukan masing-masing: $V_{S1}=10\text{V}\sim 20\text{V}$, $V_{S2}=20\text{V}\sim 40\text{V}$, $V_{S3}=40\text{V}\sim 80\text{V}$ dan $V_{S4}=80\text{V}\sim 160\text{V}$. Sementara voltan keluaran adalah malar pada nilai: $V_{S1}=22.63\text{V}$, $V_{S2}=45.25\text{V}$, $V_{S3}=90.51\text{V}$ dan $V_{S4}=181.02\text{V}$. Voltan ouput ini adalah sepadan dengan masukan bagi topologi MSMLI-CC. Dalam uji kaji, peranti suis yang digunakan adalah Mosfet IRFP460 dan sistem kawalan menggunakan mikropengawal Arduino Uno.

1.6 Sumbangan Penyelidikan

Topologi MSMLI-CC yang dibina menghasilkan nilai THDi dan THDv di bawah 3% serta mempunyai kecekapan tinggi untuk beban rintangan dan juga induktif. Aplikasi MSMLI-CC dengan sumber PV menghasilkan gelombang ac berkualiti tinggi. Hasil penyelidikan ini menjadi salah satu penyelesaian yang boleh digunapakai dalam sistem tenaga boleh diperbaharui terutama untuk sistem luar grid.

1.7 Garis Panduan Tesis

Keseluruhan tesis ini dibahagikan kepada enam bab yang merangkumi penerangan umum, tinjauan ilmiah, metodologi, reka bentuk dan implementasi, hasil kajian serta perbincangan.

Bab 2 membincangkan teori asas bagi litar-litar utama termasuk penyongsang berbilang peringkat, pemampas pemuat, penukar dorongan, kandungan harmonik dan PV suria.

Bab 3 menjelaskan metodologi proses reka bentuk litar topologi MSMLI-CC. Proses reka bentuk ini berdasarkan teori dan prinsip asas, pengiraan voltan dan kuasa, pengiraan nilai pemuat pemampas, penukar dorongan dan sambungan PV suria.

Bab 4 menghuraikan pelaksanaan pembangunan litar topologi MSMLI-CC, penukar dorongan, sambungan panel PV dan aplikasi pada PV.

Bab 5 memaparkan hasil kajian uji kaji dari sambungan PV suria, prestasi penukar dorongan, prestasi topologi MSMLI-CC untuk beban rintangan, induktif, lampu pijar dan lampu kalimantang (*fluorescent*).

Bab 6 memberikan kesimpulan yang diperolehi daripada proses rekabentuk sehingga menghasilkan suatu rekabentuk yang memenuhi tujuannya. Beberapa cadangan berkaitan penyelidikan yang telah dijalankan diberikan bagi membolehkan kesinambungan penyelidikan ini.

BAB DUA

TINJAUAN ILMIAH

2.1 Penyongsang

Sumber arus ulang-alik (A.U) dijana oleh penjana A.U. Penjana diputar oleh penggerak utama dan dalam hal ini satu putaran adalah 360 darjah. Kelajuan putaran malar akan menghasilkan gelombang keluaran sinusoidal dan berfrekuensi tetap. Penjana gelombang A.U menghasilkan keluaran sinusoidal yang tulen semula jadi dan tidak mengandungi harmonik iaitu jumlah herotan harmonik (THD) adalah menghampiri sifar.

Sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti fotovoltai (PV) menghasilkan arus terus (A.T). Bagi membekalkan kuasa pada beban A.U, arus A.T mesti ditukarkan ke A.U dengan menggunakan penukar kuasa. Penyongsang adalah penukar kuasa untuk menukar arus/voltan A.T ke arus/voltan A.U. Keluaran penyongsang yang baik haruslah menghasilkan gelombang sinusoidal tulen dengan nilai THD menghampiri sifar. Penukar kuasa penyongsang ini menggunakan peranti semikonduktor kuasa seperti Mosfet, IGBT, Thyristor, GTO, IGCT, MTO yang berfungsi sebagai suis.

Berdasarkan teknik pensuisan, penyongsang boleh dikelaskan seperti berikut: modulasi lebar denyut sinusoid (SPWM), modulasi vektor ruang (SVM), penyongsang denyutan resonan dan penyongsang pelbagai peringkat (MLI). MLIs pula boleh dikelaskan kepada : Kepitan-Diod (*Diode-clamped*); Pemuat-Terbang (*Flying-capacitor*) dan penyongsang berkaskad pelbagai peringkat [16]. Banyak jenis penyongsang pelbagai peringkat yang telah direka dan dibangunkan, terutamanya topologi titi-H, bertujuan untuk meningkatkan bilangan peringkat voltan keluaran dan mengurangkan bilangan suis [6], [7].

Aplikasi penyongsang dalam sistem PV memerlukan penukar A.T sama ada untuk meningkatkan atau merendahkan nilai voltan mengikut keperluan, dan juga dapat mengekalkan nilai voltan keluaran. Pada umumnya penukar A.T yang digunakan pada sistem PV adalah penukar dorongan. Penukar dorongan boleh meningkatkan voltan A.T lebih tinggi daripada voltan sumber dan nilai voltan keluaran dapat dikekalkan menggunakan sistem kawalan suapbalik (*feedback control*).

2.1.1 Ciri-ciri Pensuisan

Peranti semikonduktor kuasa seperti Mosfet (suis) berfungsi dalam dua keadaan iaitu hidup atau mati, dan proses ini disebut sebagai pensuisan. Dalam proses ini terjadi kehilangan kuasa iaitu pada keadaan pengaliran dan pensuisan peranti [17].

Kehilangan kuasa pada keadaan pengaliran (jika merujuk kepada Mosfet) disebabkan oleh rintangan dalam Mosfet iaitu $R_{DS(ON)}$. Kehilangan kuasa ini boleh ditunjukkan dalam persamaan 2.1 [18].

$$P_{Con} = \frac{1}{T} \int_0^T I_D R_{DS(ON)} dt = R_{DS(ON)} \cdot I_{rms}^2 \quad (2.1)$$

iaitu,

P_{con} = Kehilangan kuasa pengaliran

$R_{DS(ON)}$ = Rintangan dalam Mosfet

I_D = Arus salir (*drain*) Mosfet mengalir ke beban

I_{rms} = Arus rms salir Mosfet mengalir ke beban

Untuk peranti IGBT rintangan dalam menyebabkan penurunan voltan diod bias hadapan (V_F) dan kehilangan kuasa pengaliran pada IGBT boleh dinyatakan dalam persamaan 2.2 [19], [20]

$$P_{con} = \frac{1}{T} \int_0^T v_{on}(t) i(t) dt \quad (2.2)$$

iaitu,

$v_{on}(t)$ = Voltan jatuh pada keadaan on (V_F)

$i(t)$ = Arus beban.

Ciri-ciri pensuisan peranti di tunjukkan dalam Rajah 2.1. Model litar pensuisan dalam Rajah 2.1a berfungsi seperti berikut, apabila suis hidup (*turn on*), arus i_{sw} mengalir dari sumber V_{DD} melalui beban ke suis, voltan di antara dua terminal suis adalah V_{sw} . Bagi bentuk gelombang dalam Rajah 2.1b, apabila suis hidup semasa $t_{sw(on)}$ arus i_{sw} dari sifar meningkat untuk mencapai I_{sw} semasa masa naik t_r (*rise time*), dalam masa yang sama voltan v_{sw} jatuh daripada V_{DD} ke $V_{sw(sat)}$. Pada masa $t_{sw(on)}$ ini ada peningkatan arus dan voltan sehingga berlaku pelepasan kuasa (*power dissipation*). Apabila suis dimatikan (*turn off*) pada masa $t_{sw(off)}$, arus turun menjadi sifar dalam masa t_f (iaitu masa jatuh), dan pada masa yang sama voltan v_{sw} meningkat kepada V_{DD} . Sepanjang tempoh ini iaitu $t_{sw(off)}$, berlaku peningkatan arus dan voltan yang menyebabkan pelepasan kuasa (*power dissipation*). Kehilangan kuasa dalam $t_{sw(on)}$ dan $t_{sw(off)}$ boleh dinyatakan dalam persamaan 2.3 [21], [22]

$$P_{sw} = V_{sw} I_{sw} \left(\frac{t_{sw(on)} + t_{sw(off)}}{2} \right) f_{sw} + \frac{(C_{GD} + C_{DS}) V_{sw}^2 f_{sw}}{2} \quad (2.3)$$

iaitu,

P_{sw} = Kehilangan kuasa pensuisan (W)

V_{sw} = Voltan pensuisan (V)

I_{sw} = Arus pensuisan (A)


f_{sw} = Frekuensi pensuisan (kHz)

$t_{sw(on)}$ = Masa suis *turn-on* (detik)


$t_{sw(off)}$ = Masa suis *turn-off* (detik)

C_{GD} = Kapasitansi gerbang- salir

C_{DS} = Kapasitansi salir-sumber



(a)



(b)

Rajah 2.1: Ciri-ciri pensuisan (a) Model litar suis (b) Gelombang pensuisan

Kehilangan kuasa dalam suis juga disebabkan oleh kuasa pemicu gerbang (P_G) Mosfet. Hasil darab arus I_G dengan voltan V_G akan menghasilkan kuasa pemicu get, P_G . Jumlah kehilangan kuasa pada suis ialah [23]:

$$P_D = P_{con} + P_{sw} + P_G \quad (2.4)$$

iaitu,

P_D = Jumlah kehilangan kuasa (W)

P_{con} = Kehilangan kuasa pengaliran (W)

P_{sw} = Kehilangan kuasa pensuisan (W)


P_G = Kehilangan kuasa gerbang (W)

Untuk mengurangkan kehilangan kuasa pada peranti semikonduktor, perkara berikut boleh dilakukan:

- a. Pada peranti Mosfet pilih nilai $R_{DS} (On)$, $t_r (t_{sw(on)})$, $t_f (t_{sw(off)})$ yang rendah dan pada IGBT pilih nilai voltan *on-state drop* (V_F) yang rendah.
- b. Gunakan frekuensi pensuisan (f_{sw}) yang rendah, atau boleh juga menggunakan teknik pensuisan arus sifar (ZCS) atau pensuisan voltan sifar (ZVS).


2.1.2 Penyongsang pelbagai peringkat

Penyongsang pelbagai peringkat (MLI) adalah penyongsang yang menyatukan beberapa peringkat voltan masukan A.T untuk membentuk gelombang keluaran sinusoidal. Bilangan peringkat voltan yang tinggi dalam topologi MLI akan menghasilkan gelombang sinusoidal yang lebih baik. Konsep asas sintesis gelombang pada penyongsang berbilang peringkat ditunjukkan dalam Rajah 2.2 [5], [24], [25].




Rajah 2.2: Konsep sintesis gelombang penyongsang pelbagai peringkat [5].

Sumber $V_{s1} \sim V_{s4}$ adalah voltan yang simetri dan pesuisan setengah tempoh ($T/2$) dalam masa t_0 hingga t_8 . Dalam masa t_0 suis berada pada kedudukan S_0 dan voltan keluaran V_o adalah 0. Pada masa t_1 suis bertukar kepada kedudukan S_1 dan voltan keluaran V_o adalah V_{s1} . Pada masa t_2 suis berada pada kedudukan S_2 dan dalam tempoh ini voltan keluaran V_o adalah $(V_{s1} + V_{s2})$. Untuk masa t_3 pula suis akan berada pada kedudukan S_3 dan dalam masa ini voltan keluaran V_o adalah $(V_{s1} + V_{s2} + V_{s3})$. Untuk masa t_4 , suis bertukar kepada kedudukan S_4 manakala voltan keluaran V_o adalah $(V_{s1} + V_{s2} + V_{s3} + V_{s4})$. Untuk masa t_5 , didapati suis bertukar balik kepada kedudukan S_3 dan disini voltan keluaran V_o adalah $(V_{s1} + V_{s2} + V_{s3})$. Pada waktu t_6 , suis akan berada pada kedudukan S_2 dan voltan keluaran V_o adalah $(V_{s1} + V_{s2})$. Bagi tempoh t_7 suis berada pada kedudukan S_1 dan dalam tempoh ini voltan keluaran V_o adalah V_{s1} . Untuk tempoh t_8 pula suis berada pada kedudukan S_0 manakala keluaran V_o adalah 0. Seterusnya dalam tempoh t_9 hingga t_{16} suis akan kembali kepada kedudukan awal ($t_0 \sim t_8$). Bentuk gelombang keluaran ditunjukkan dalam Rajah 2.3a. Apabila keluaran V_o disambungkan ke titi-H maka gelombang yang diperolehi adalah seperti ditunjukkan oleh Rajah 2.3b. Gelombang penyongsang berbilang peringkat ini menghasilkan 9 peringkat keluaran.




Rajah 2.3: Bentuk gelombang MLI 9 peringkat [5] (a) Gelombang keluaran V_o
 (b) Gelombang keluaran titi-H

Penyongsang pelbagai peringkat adalah kategori penyongsang sumber voltan (VSI), dan ianya boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu : Pelbagai Peringkat Kaput-Diod, Pemuat-Terbang dan Berkaskad [26], seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.4.



Rajah 2.4: Klasifikasikan penyongsang [26]


Penyongsang pelbagai peringkat kaput-diod menggunakan satu sumber dan beberapa pemuat sebagai pembahagi voltan bagi memperolehi m-peringkat, dan bilangan pemuat diperlukan ialah m-1. Diod digunakan untuk memisahkan pemuat m-sumber apabila suis dihidupkan, oleh sebab itu diod ini disebut kaput-diod. Topologi penyongsang kaput-diod 5 peringkat ditunjukkan pada Rajah 2.5. Urutan suis hidup - mati diberi dalam Jadual 2.1 dan gelombang keluaran ditunjukkan oleh Rajah 2.6. [27], [28].



Rajah 2.5: Topologi penyongsang kaput-diod 5 peringkat [27], [28].


Jadual 2.1: Urutan urutan suis hidup atau mati [27], [28].

t	V_o	<i>Keadaan switch: 1=Hidup; 0=Mati</i>							
		S_1	S_2	S_3	S_4	S_5	S_6	S_7	S_8
t_0	$V_0=0$	0	0	1	1	1	1	0	0
t_1	$V_1=V_s/2$	0	1	1	1	1	0	0	0
t_2	$V_2=V_s$	1	1	1	1	0	0	0	0
t_3	$V_0=0$	0	0	1	1	1	1	0	0
t_4	$-V_1=V_s/2$	0	0	0	1	1	1	1	0
t_5	$-V_2=V_s$	0	0	0	0	1	1	1	1



Rajah 2.6: Gelombang keluaran penyongsang kaput-diod 5 peringkat [27], [28].

Penyongsang pelbagai peringkat pemuat-terbang mula diperkenalkan pada tahun 1992. Topologi penyongsang ini hampir sama dengan penyongsang kaput-diod, di mana diod sahaja yang diganti dengan pemuat. Topologi penyongsang ini ditunjukkan dalam Rajah 2.7. Gelombang ouput 5 peringkat yang dihasilkan adalah sama seperti penyongsang kaput-diod (iaitu Rajah 2.6) dan urutan pergerakan suis hidup atau mati juga sama seperti kaput-diod (Jadual 2.1) [28].




Rajah 2.7: Topologi MLI pemuat-terbang) [28].

2.1.3 Asas Penyongsang berkaskad pelbagai peringkat

2.1.3.1 Topologi

Topologi penyongsang berkaskad pelbagai peringkat pada dasarnya adalah mudah kerana ia hanya menggabungkan penyongsang titi-H dalam hubungan siri [29]. Setiap titi-H menghasilkan tiga tahap voltan yang berbeza iaitu $+V_s$, 0 dan $-V_s$. Pada waktu suis S_1 dan S_2 dihidupkan voltan keluaran V_o adalah V_s , manakala pada waktu S_3 dan S_4 dihidupkan voltan keluaran V_o adalah $-V_s$. Pada ketika suis S_1 dan S_4 dimatikan V_o adalah 0. Topologi penyongsang berkaskad 9 peringkat ditunjukkan dalam Rajah 2.8 [30], [31].




Rajah 2.8: Topologi penyongsang berkaskad 9 peringkat [30], [31].

Urutan suis hidup atau mati daripada titi-H ditunjukkan pada Jadual 2.2 dan bentuk gelombang 9 peringkat ditunjukkan pada Rajah 2.9.


Jadual 2.2: Urutan suis hidup atau mati penyongsang berkaskad 9 peringkat

t	<i>Suis hidup</i>				V_O
	<i>titi-H a</i>	<i>titi-H b</i>	<i>titi-H c</i>	<i>titi-H d</i>	
t_0	S_{2a}, S_{4a}	S_{2b}, S_{4b}	S_{2c}, S_{4c}	S_{2d}, S_{4d}	0
t_1	S_{1a}, S_{2a}	S_{1b}, S_{3b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$V_1 = V_{Sa}$
t_2	S_{1a}, S_{2a}	S_{1b}, S_{2b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$V_2 = V_{Sa} + V_{Sb}$
t_3	S_{1a}, S_{2a}	S_{1b}, S_{2b}	S_{1c}, S_{2c}	S_{1d}, S_{3d}	$V_3 = V_{Sa} + V_{Sb} + V_{Sc}$
t_4	S_{1a}, S_{2a}	S_{1b}, S_{2b}	S_{1c}, S_{2c}	S_{1d}, S_{2d}	$V_4 = V_{Sa} + V_{Sb} + V_{Sc} + V_{Sd}$
t_5	S_{1a}, S_{2a}	S_{1b}, S_{2b}	S_{1c}, S_{2c}	S_{1d}, S_{3d}	$V_3 = V_{Sa} + V_{Sb} + V_{Sc}$
t_6	S_{1a}, S_{2a}	S_{1b}, S_{2b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$V_2 = V_{Sa} + V_{Sb}$
t_7	S_{1a}, S_{2a}	S_{1b}, S_{3b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$V_1 = V_{Sa}$
t_8	S_{2a}, S_{4a}	S_{2b}, S_{4b}	S_{2c}, S_{4c}	S_{2d}, S_{4d}	0
t_9	S_{3a}, S_{4a}	S_{1b}, S_{3b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$-V_1 = V_{Sa}$
t_{10}	S_{3a}, S_{4a}	S_{3b}, S_{4b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$-V_2 = V_{Sa} + V_{Sb}$
t_{11}	S_{3a}, S_{4a}	S_{3b}, S_{4b}	S_{3c}, S_{4c}	S_{1d}, S_{3d}	$-V_3 = V_{Sa} + V_{Sb} + V_{Sc}$
t_{12}	S_{3a}, S_{4a}	S_{3b}, S_{4b}	S_{3c}, S_{4c}	S_{3d}, S_{4d}	$-V_4 = V_{Sa} + V_{Sb} + V_{Sc} + V_{Sd}$
t_{13}	S_{3a}, S_{4a}	S_{3b}, S_{4b}	S_{3c}, S_{4c}	S_{1d}, S_{3d}	$-V_3 = V_{Sa} + V_{Sb} + V_{Sc}$
t_{14}	S_{3a}, S_{4a}	S_{3b}, S_{4b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$-V_2 = V_{Sa} + V_{Sb}$
t_{15}	S_{3a}, S_{4a}	S_{1b}, S_{3b}	S_{1c}, S_{3c}	S_{1d}, S_{3d}	$-V_1 = V_{Sa}$
t_{16}	S_{2a}, S_{4a}	S_{2b}, S_{4b}	S_{2c}, S_{4c}	S_{2d}, S_{4d}	0



Rajah 2.9: Gelombang keluaran penyongsang berkaskad 9 peringkat

Penyongsang berkaskad pelbagai peringkat boleh diklasifikasikan kepada 2 jenis iaitu, berkaskad titi-H (CHB) dan Penukar Modular Pelbagai Peringkat (MMC) seperti ditunjukkan pada Rajah 2.10 [32].



Rajah 2.10: Klasifikasi penyongsang berkaskad pelbagai peringkat

2.1.3.2 Pensuisan penyongsang berkaskad pelbagai peringkat

Bentuk gelombang bertingkat seperti pada Rajah 2.9 memiliki persamaan Transformasi Fourier seperti yang diberikan oleh persamaan 2.5 [33], [34].

$$v_o(t) = \sum_{n=1,3,5,\dots}^{\infty} \frac{4V_s}{n\pi} [\cos(n\alpha_1) + \cos(n\alpha_3) + \dots + \cos(n\alpha_k)] \sin(n\omega t) \quad (2.5)$$

iaitu,

α = sudut pensuisan

n = peringkat harmonik

Magnitud koefisien Fourier dari persamaan 2.5 diberi oleh persamaan 2.6 iaitu:

$$V_n = \frac{4V_s}{n\pi} [\cos(n\alpha_1) + \cos(n\alpha_2) + \dots + \cos(n\alpha_k)] \quad (2.6)$$

iaitu, $n = 1, 3, 5, 7, \dots$

Indek modulasi M_i adalah :

$$M_i = \frac{V_{f1}}{\frac{4kV_s}{\pi}} = \frac{\cos(\alpha_1) + \cos(\alpha_2) + \dots + \cos(\alpha_k)}{k} \quad (2.7)$$

iaitu,

V_{f1} = Voltan puncak komponen asas

k = Jumlah sudut pensuisan

Harmonik boleh diminimumkan daripada voltan keluaran dengan menggunakan persamaan 2.8 :

$$\cos(n\alpha_1) + \cos(n\alpha_2) + \dots + \cos(n\alpha_n) = 0 \quad (2.8)$$

Penyongsang berkaskad pelbagai peringkat mempunyai 5 titi- H , dan untuk meminimumkan harmonik ke 5, 7, 11 dan 13, maka indek modulasi M_i perlu di tetapkan pada nilai 0.8. Sudut pensuisan diberikan seperti persamaan 2.9 iaitu:


$$\begin{aligned} \cos(5\alpha_1) + \cos(5\alpha_2) + \cos(5\alpha_3) + \cos(5\alpha_4) + \cos(5\alpha_5) &= 0 \\ \cos(7\alpha_1) + \cos(7\alpha_2) + \cos(7\alpha_3) + \cos(7\alpha_4) + \cos(7\alpha_5) &= 0 \\ \cos(11\alpha_1) + \cos(11\alpha_2) + \cos(11\alpha_3) + \cos(11\alpha_4) + \cos(11\alpha_5) &= 0 \\ \cos(13\alpha_1) + \cos(13\alpha_2) + \cos(13\alpha_3) + \cos(13\alpha_4) + \cos(13\alpha_5) &= 0 \\ \cos(\alpha_1) + \cos(\alpha_2) + \cos(\alpha_3) + \cos(\alpha_4) + \cos(\alpha_5) &= 5M_i = 5(0,8) = 4 \end{aligned} \quad (2.9)$$

Daripada persamaan 2.9, dengan menggunakan kaedah Newton-Raphson dan Mathcad maka sudut pensuisan diperolehi seperti berikut :

$$\alpha_1 = 6.57^\circ, \alpha_2 = 18.94^\circ, \alpha_3 = 27.18^\circ, \alpha_4 = 45.14^\circ, \alpha_5 = 62.24^\circ. \quad (2.10)$$


2.1.4 Penukar dorongan

Penukar dorongan berfungsi untuk meningkatkan voltan dari paras voltan sumber ke tahap voltan yang lebih tinggi. Salah satu dari topologi litar penukar dorongan ditunjukkan dalam Rajah 2.11.



Rajah 2.11: Topologi litar penukar dorongan

Mod operasi ditunjukkan pada Rajah 2.12 dan gelombang arus dan voltan ditunjukkan pada Rajah 2.13. Merujuk kepada Rajah 2.12a, pada mod t_{on} suis Q dihidupkan aliran arus bergerak daripada sumber ke dalam peraruh (I_L) dan kembali ke sumber. Pada masa ini tenaga disimpan dalam peraruh dan pemuat menyahcas. Merujuk kepada Rajah 2.12b, pada mod t_{off} iaitu suis Q dimatikan, tenaga daripada peraruh dipindahkan ke beban melalui diod D dan pemuat dicas [35], [36].



Rajah 2.12: Mod Operasi penukar dorongan (a) Masa t_{on} (b) Masa t_{off}